

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 1 TAHUN 2019**

**Tarikh** : 30 Januari 2019 (Rabu)  
**Masa** : 10.30 pagi hingga 12.30 tengahari  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ yang ke 1/2019 dan merupakan Mesyuarat Penuh yang pertama bagi tahun 2019.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Januari 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan (KPKT) telah menggubal Dasar Komuniti Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23 November 2018.

Dasar Komuniti Negara yang antaranya bagi menangani masalah komuniti setempat khususnya di kawasan perumahan kos rendah. Dasar ini akan memberikan keutamaan dan fokus untuk memberdayakan rakyat terutamanya golongan B40.

Sehubungan dengan itu, pembentukan komuniti yang madani dan berdaya sendiri merupakan indikator utama dalam membentuk sebuah negara progresif dan mampan.

Pembangunan inklusif ini mensasarkan komuniti berpendapatan (B 40) dalam persekitaran yang berkualiti dan berdaya huni serta semangat perpaduan dan keterlibatan komuniti dipupuk melalui kolaborasi yang efektif.

Matlamat utama pembangunan inklusif adalah memastikan semua golongan masyarakat di bawa bersama dalam arus pembangunan perbandaran tanpa meninggalkan golongan rendah dan terpinggir (*disadvantaged*).

Pembangunan inklusif dan berdaya tahan (*sustainable*) mempunyai tiga (3) dimensi yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

- a) Dimensi pertama adalah ke arah pembangunan sosial dengan memastikan setiap lapisan komuniti mempunyai akses kepada keperluan asas termasuklah perumahan, pendidikan, pekerjaan dan kemudahan komuniti yang berkualiti.
- b) Dimensi kedua adalah komuniti inklusif yang mampu mengembelingkan tenaga dan bersatu padu dalam mewujudkan kualiti persekitaran setempat yang aktif, bersih

dan selamat serta memastikan kepentingan budaya dan warisan terus diketengahkan dan diperkukuhkan.

- c) Dimensi ketiga pula merupakan inisiatif dalam mempergiatkan keterlibatan komuniti dan kolaborasi pelbagai pihak dalam membentuk komuniti yang inklusif dan berdaya huni.

Majlis Perasmian Dasar Komuniti Negara akan diadakan pada 17 Februari 2019 dan akan disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

MPSJ telah terpilih bagi menjayakan Majlis Perasmian Dasar Komuniti Negara dan lokasi cadangan adalah padang awam berhampiran Dewan Serbaguna MPSJ Puchong Indah.

Ahli-ahli Majlis diharap dapat memberikan komitmen dalam memastikan penyertaan komuniti kawasan masing-masing terutamanya penghuni rumah kos rendah serta penduduk yang termasuk dalam golongan B40.

- iv) Dimaklumkan bahawa, Program Kelulusan Khas Binaan Tambahan Rumah Kediaman MPSJ yang dilaksanakan dari 1 Ogos 2016 hingga 31 Disember 2018 telah meluluskan sebanyak 4467 permohonan.

Sehingga Disember 2018, MPSJ masih mendapat permintaan dari pemilik-pemilik rumah yang berhasrat menyertai program ini. Sehubungan dengan itu, MPSJ telah melanjutkan Program Kelulusan Khas Binaan Tambahan Rumah Kediaman MPSJ ini sehingga 30 Jun 2019 dengan kadar rata kompaun (flat rate) kepada RM500.00.

- v) Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua komuniti perniagaan di atas komitmen memperbaharui lesen perniagaan bagi tahun 2019.

Berdasarkan rekod pelesenan, seramai 28,722 pemilik perniagaan di kawasan MPSJ telah memperbaharui lesen perniagaan tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya iaitu 26,904 pemegang lesen. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10.9% atau 2,818 berbanding tahun sebelumnya. Komitmen komuniti perniagaan MPSJ telah memberi impak positif terhadap jumlah kutipan hasil lesen MPSJ pada tahun 2018 iaitu sebanyak RM 22.8 Juta. Senario ini menggambarkan komuniti peniaga MPSJ yang peka dan patuh terhadap pelaksanaan undang-undang serta dasar Majlis

Bermula tahun 2019, MPSJ tidak lagi menghantar Notis Makluman Pembaharuan Lesen seperti tahun-tahun sebelum. Pembaharuan lesen perniagaan sebelum tempoh tamat adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen.

Lesen perniagaan boleh diperbaharui dalam tempoh tiga (3) bulan awal sebelum tamat tempoh sah lesen. Kegagalan memperbaharui lesen boleh menyebabkan pemilik perniagaan di ambil tindakan undang-undang dan penguatkuasaan.

- vi) Permohonan Permit Bazar Ramadan MPSJ 2019 secara atas talian / online' akan dibuka bermula 30 Januari 2019 sehingga 17 Februari 2019. MPSJ adalah PBT Pertama di Selangor yang membuka permohonan untuk bazar ramadan pada tahun ini dan melaksanakannya bagi tahun ke empat (4) secara atas talian (online).

Pada tahun 2019, MPSJ telah menyediakan sebanyak 17 lokasi bazar Ramadan merangkumi 1,420 petak niaga. Pengurusan Bazar Ramadan MPSJ adalah diuruskan dan diselia sepenuhnya oleh Jabatan Pelesenan MPSJ.

MPSJ turut memberi keistimewaan kepada 15 peniaga contoh yang terpilih pada Bazar Ramadan tahun 2018 untuk bebas memilih lokasi, tapak niaga Bazar Ramadan MPSJ secara percuma pada tahun ini.

Pemohon adalah diingatkan untuk membuat permohonan lebih awal sebelum tarikh tutup bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

Jumlah lokasi serta jumlah petak niaga Bazar Ramadan MPSJ bagi tahun 2019.

<b>BIL</b>	<b>LOKASI</b>	<b>JUMLAH LOKASI</b>	<b>JUMLAH PETAK NIAGA</b>
1.	<b>ZON SUBANG JAYA</b>	<b>7</b>	<b>365</b>
2.	<b>ZON PUCHONG</b>	<b>4</b>	<b>365</b>
3.	<b>ZON KINRARA</b>	<b>3</b>	<b>250</b>
4.	<b>ZON SERDANG / SERI KEMBANGAN</b>	<b>3</b>	<b>440</b>
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>	<b>1,420</b>

- vii) Pada tahun 2019, pihak Majlis akan memperketatkan lagi aktiviti penguatkuasaan ke atas premis makanan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya. Selain menasaskan setiap premis makanan berlesen diperiksa sekurang kurangnya satu kali setahun, tindakan lebih tegas akan dikenakan ke atas pengusaha premis makanan yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis terutama dari aspek kesihatan, kebersihan dan keselamatan.

Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih tegas ini akan dimulakan ke atas premis/gerai seliaan pihak Majlis di mana sepanjang bulan Januari hingga Februari 2019, semua premis/gerai Majlis akan diperiksa dan digredkan. Untuk premis/gerai Majlis yang mendapat gred C atau D (ditutup), pemeriksaan susulan akan dilakukan sekitar pertengahan tahun ini.

Sekiranya premis/gerai tersebut masih mendapat gred C atau D, pihak Majlis akan membatalkan penyewaan pengusaha premis berkenaan dan penyewaan akan dibuka kepada penyewa baru yang berminat dan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

- viii) Pada bulan Februari 2019, pihak Jabatan Kesihatan MPSJ akan menganjurkan Bulan Kesedaran Penyakit Berjangkit Peringkat MPSJ. Antara pengisian sepanjang Bulan Kesedaran Penyakit Berjangkit tersebut adalah taklimat dan pameran mengenai penyakit berjangkit seperti demam denggi, leptospirosis (kencing tikus), penyakit jangkitan kanak-kanak (seperti HFMD dll), tuberculosi (batuk kering), HIV/AIDS, rabies, influenza (selsema) dan lain-lain.

Taklimat dan pameran kesedaran penyakit kanak-kanak akan diadakan di Dewan Tuah Kompleks 3C, sementara taklimat dan pameran penyakit berjangkit yang lain akan diadakan di Dewan dan Laman Kenanga Ibupejabat MPSJ USJ 5. Selain itu, satu kempen derma darah yang akan dikendalikan oleh Pusat Darah Negara akan juga diadakan pada 14 Februari 2019 di Laman Kenanga Ibupejabat MPSJ USJ 5 dari pukul 10 pagi hingga 4 petang dan terbuka kepada warga kerja MPSJ dan orang awam.



### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 12/2018**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 12 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 20 Disember 2018 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 5.8 & m/s 8	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat	Beliau mencadangkan Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi dilantik sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat bagi kuota Amanah memandangkan Encik Frankie Koh Eng Kee telah dilantik sebagai Pengerusi mesyuarat.  <b>Maklum balas :</b>  Mesyuarat bersetuju

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dengan cadangan tersebut.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b></p>
2.	Para 6.2 m/s 11	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Usul memohon melanjutkan program kelulusan khas binaan tambahan rumah kediaman yang akan tamat pada 31 Disember 2018	<p>Beliau menanyakan berkenaan kadar kompaun, adakah dikekalkan RM500 atau dinaikkan ke RM750.00?</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan kadar kompaun dikekalkan ke RM500.00 sehingga 30 Jun 2019. Kadar baharu akan ditetapkan selepas tarikh tersebut.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Bangunan</b></p>

## **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur MPSJ bil.01/2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan MPSJ Bil. 01/2019 bertarikh 9 Januari 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 8.1.1 & m/s 23	Encik Yap Kok Weng	Program Pangsapuri Angkat 2019	Beliau menanyakan tentang lokasi 24 pangsapuri yang dimaksudkan dan apakah maklumat terperinci berkaitan projek Pangsapuri Angkat.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ telah melaksanakan projek rejuvenasi Pangsapuri Enggan dan Pangsapuri Bukit Puchong. Kejayaan projek perintis tersebut akan direplikasikan kepada Pangsapuri di setiap zon melibatkan 24 zon. Senarai pangsapuri akan disediakan oleh jabatan COB dan akan membuat padanan dengan kawasan Ahli Majlis. Ahli Majlis dibenarkan mencadangkan lokasi pangsapuri di kawasan masing-masing atau menggunakan senarai</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>sedia ada dan memberdayakan komuniti di kawasan tersebut. Program ini akan dijalankan bersama dan fasa pertama adalah melaksanakan program beramah mesra dengan penduduk pangsapuri yang dipilih. Satu taklimat khas akan dilaksanakan bagi membincangkan berkenaan pendekatan yang bersesuaian.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan COB / Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
2	Para 8.1.3 & m/s 23	Encik Yap Kok Weng	Peruntukan Program Pangsapuri Angkat 2019	Beliau menanyakan berkaitan peruntukan RM 10,000 bagi Program Pangsapuri Angkat. Adakah peruntukan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>tersebut melibatkan keseluruhan program atau setiap JKP diberikan peruntukan bagi setiap program?</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Ahli Majlis boleh menggunakan peruntukan program JKP sedia ada terlebih dahulu.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
3.	Para 8.8.1 & m/s 26	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Permohonan Padang kawasan JKP Zon 5	Beliau memaklumkan terdapat kesalahan lokasi padang dan memohon agar dibuat pembetulan minit iaitu Padang di USJ 3 kepada Padang di Pinggiran USJ.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua meminta pindaan minit dilaksanakan.</p> <p><b>Tindakan : Urusetia</b> <b>Mesyuarat</b> <b>Jawatankuasa</b> <b>Kemasyarakatan</b></p>

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan korporat MPSJ bil. 01/2019 bertarikh 10 Januari 2019

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Puan Yang Dipertua	-	Puan Yang Dipertua meminta agar Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				melaksanakan perancangan kerja dengan baik dan tidak terlalu membebankan Jabatan-jabatan dengan melaksanakan kerja-kerja auditan berdasarkan keutamaan.  <b>Tindakan : Jabatan Audit Dalam</b>

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Pembangunan MPSJ bil. 01/2019 bertarikh 14 Januari 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.



**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Perancangan Pembangunan MPSJ bil. 02/2019 bertarikh 23  
Januari 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	-	Puan Yang Dipertua	-	<p>Puan Yang Dipertua meminta agar satu Jawatankuasa Pelaburan yang bertanggungjawab untuk mengadakan perbincangan dengan pelabur bagi menarik mereka melaksanakan pelaburan / perniagaan di kawasan MPSJ.</p> <p>Perkara berkaitan pelaburan perlu menjadi salah satu agenda yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan setiap bulan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Urusetia Jawatankuasa Kewangan / Unit Pelaburan</b></p>

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan  
Perniagaan MPSJ Bil. 01/2019 bertarikh 15 Januari 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar  
MPSJ Bil. 01/2019 bertarikh 15 Januari 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	-	Encik Tai Cheng Heng	Prestasi kontraktor pengurusan sampah KDEB	Beliau memaklumkan bahawa sejak pengurusan sampah diambil alih oleh pihak KDEB, banyak aduan berkaitan prestasi kutipan sampah yang diterima dan terdapat kawasan yang tidak dilaksanakan kutipan sampah secara berjadual.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta agar Ahli Majlis memberikan spesifikasi lokasi yang mempunyai masalah berkaitan kutipan sampah dan perkara ini akan dipanjangkan kepada pihak KDEB.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b></p>

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPSJ Bil. 01/2019 bertarikh 16 Januari 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat MPSJ Bil. 01/2019 bertarikh 16 Januari 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Puan Yang Dipertua	-	Beliau memaklumkan bahawa Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat perlu memfokuskan serta membincangkan tentang 2 perkara utama iaitu : i) Good Governance ii) Smart City Jawatankuasa perlu membincangkan tentang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan atau diamalkan di MPSJ berkaitan perkara utama tersebut  <b>Makluman</b>

## **6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

### **6.1 KERTAS CADANGAN PENUKARAN NAMA JAWATANKUASA DAN PENENTUAN BIDANG TUGAS BAGI JAWATANKUASA KESIHATAN DAN KAWALAN PERNIAGAAN, JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR DAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR SERTA PENAMBAHAN AHLI KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KEWANGAN**

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan telah dibentangkan oleh Tuan Mohd Zulkurnain bin Che Ali , Setiausaha Perbandaran.

#### **Perbincangan Ahli Mesyuarat :**

<b>BIL</b>	<b>AHLI MESYUARAT</b>	<b>PANDANGAN</b>
1.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	Beliau bersetuju dengan cadangan penjenamaan Jawatankuasa. Pandangan beliau seperti berikut : i) Laporan penggredan makanan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan memandangkan ianya melibatkan premis makanan.

		ii) Perlu membuat tambahan terhadap bidang kuasa Jawatankuasa.
2.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	Beliau mencadangkan Jawatankuasa Pengindahan Bandar dan Kesihatan dijenamakan sebagai Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar dan Kesihatan.
3.	Encik Yap Kok Weng	Beliau mencadangkan agar Jawatankuasa Infrastruktur ditambah skop berkaitan pengangkutan awam.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima kertas cadangan tersebut dan penjenamaan nama Jawatankuasa seperti berikut :

BIL	NAMA ASAL	NAMA BAHARU	URUS SETIA
1.	Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan	Jawatankuasa Kawalan Perniagaan	Jabatan Pelesenan
2.	Jawatankuasa Pengindahan Bandar	Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar	Jabatan Kesihatan

<b>BIL</b>	<b>NAMA ASAL</b>	<b>NAMA BAHARU</b>	<b>URUS SETIA</b>
3.	Jawatankuasa Infrastruktur	Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam	Jabatan Kejuruteraan

Bidang tugas Jawatankuasa baharu seperti berikut :

<b>NAMA BAHARU</b>	<b>SKOP / BIDANG TUGAS</b>
Jawatankuasa Kawalan Perniagaan	<p>a) Mengesyorkan kepada Majlis langkah-langkah kawalan ke atas perniagaan, tred dan perindustrian mengikut seksyen 102 (s), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);</p> <p>b) Mengkaji dan meluluskan permohonan kelulusan aktiviti perniagaan yang berisiko dan lain-lain sehubungan dengannya, serta mengkaji perancangan penempatan semula penjaja, bengkel, gerai dan sebagainya;</p> <p>c) Mengkaji dan mencadangkan kepada Majlis program-program yang bersesuaian untuk penjaja-penjaja, kontraktor-kontraktor bumiputera dan peniaga-peniaga kecil untuk tujuan pembangunan perniagaan;</p> <p>d) Mengesyorkan dan memperakukan kepada Majlis hal-hal berhubung dengan penglibatan bumiputera dan penjaja kecil dalam kegiatan ekonomi serta</p>

NAMA BAHARU	SKOP / BIDANG TUGAS
	<p>mengesyorkan dan memperakukan kepada Majlis hal-hal lain berhubung dengan pelesenan dan pembangunan usahawan;</p> <p>e) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan);</p> <p>f) Mengesyorkan kepada Majlis langkah-langkah berhubung dengan keselamatan awam seperti kawalan kebersihan makanan, pasar dan lain-lain perkara mengenai kebersihan dan kacau ganggu seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);</p> <p>g) Pelaporan pihak polis berkaitan aktiviti perniagaan.</p>
Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar	<p>a) Mengkaji dan meluluskan perancangan kawalan penyakit berjangkit (vektor) dan kawalan binatang;</p> <p>b) Mengesyorkan kepada Majlis langkah-langkah berhubung dengan keselamatan awam seperti kawalan kebersihan tempat awam, anak sungai, dan lain-lain perkara mengenai kebersihan dan kacau ganggu seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);</p> <p>c) Memperakukan kepada Majlis hal-hal berhubung dengan kerja-kerja memperelok dan mempercantikkan bandar;</p> <p>d) Mempertimbangkan dan memperakukan</p>



NAMA BAHARU	SKOP / BIDANG TUGAS
	<p>cadangan-cadangan menaiktaraf kemudahan awam dan rekreasi seperti kompleks sukan dan gelanggang permainan dan lain-lain;</p> <p>e) Mempertimbangkan dan memperakukan langkah-langkah ke arah mempertingkatkan mutu perkhidmatan bandar dan pengindahan lanskap serta penyediaan taman dan rekreasi;</p> <p>f) Mengesyorkan kepada Majlis hal-hal lain berhubung dengan kebersihan dan keindahan bandar;</p> <p>g) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan hal-hal berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;</p> <p>h) Menimbang peraturan-peraturan bagi menggunakan kemudahan yang disediakan dan kadarnya;</p> <p>i) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan);</p> <p>j) Pelaporan dan perbincangan berkenaan Penguatkuasaan Trafik;</p> <p>k) Pelaporan pihak polis berkaitan kadar jenayah di kawasan MPSJ.</p>
Jawatankuasa Infrastruktur,	a) Memperakukan kepada Majlis hal-hal berhubung dengan kerja-kerja penyelenggaraan, membaiki,

<b>NAMA BAHARU</b>	<b>SKOP / BIDANG TUGAS</b>
Pengangkutan dan Kemudahan Awam	<p>memperelok dan membuat jalan mengikut seksyen 4 dan 5, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133);</p> <p>b) Mengkaji dan menyelaraskan reka bentuk jalan, pemasangan perabot jalan termasuk lampu jalan dan lain-lain berhubung dengan jalan serta penyelenggaraan;</p> <p>c) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan penyelarasan sistem pengangkutan awam;</p> <p>d) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan susunatur aliran lalulintas;</p> <p>e) Mempertimbangkan dan memperakukan cadangan-cadangan menaiktaraf sistem perparitan;</p> <p>f) Hal-hal lain berkenaan dengan peraturan dan keselamatan jalan raya;</p> <p>g) Menyalurkan permasalahan berkaitan Aduan Bangunan Bertingkat dan Hak Milik Strata kepada pihak-pihak yang berkenaan;</p> <p>h) Menyalurkan permasalahan berkaitan aduan rumah ibadat kepada pihak-pihak yang berkenaan;</p> <p>i) Mengkaji cadangan peruntukan undang-undang yang baru dan pindaan/tambahan kepada yang sedia ada (yang berkaitan);</p> <p>j) Membincangkan dan memperakukan cadangan</p>

NAMA BAHARU	SKOP / BIDANG TUGAS
	penyelesaian bagi isu binaan haram atau binaan tanpa izin; k) Membincangkan berkaitan isu-isu berkaitan kemudahan awam yang lain; l) Membincangkan berkaitan pembinaan kemudahan awam; m) Membincangkan berkaitan pengangkutan awam.

Mesyuarat turut bersetuju berkenaan penambahan ahli keanggotaan Jawatankuasa Kewangan. Encik Yap Kok Weng akan menganggotai Jawatankuasa Kewangan atas kuota DAP berkuatkuasa Februari 2019.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

## **6.2 KERTAS CADANGAN MENERIMA PAKAI PEKELILING PENTADBIRAN PERKHIDMATAN AWAM BILANGAN 5 TAHUN 2018 – GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA**

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan telah dibentangkan oleh Puan Nik Zalina bt Megat Muda , Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima kertas cadangan tersebut dan pekeliling ini diterima pakai berkuatkuasa 1 Januari 2019.

**Tindakan : Makluman**

## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari. Beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat MPSJ 2019 akan diadakan pada 2 Mac 2019. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan

Februari 2019 akan diadakan pada 27 Februari 2019 (Rabu) jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 1 Februari 2019

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                                 | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha  |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 5.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "           |
| 6.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "           |
| 7.  | Puan Kavitha a/p Chandragesan   | - | "           |
| 8.  | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "           |
| 9.  | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "           |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "           |
| 11. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "           |
| 12. | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 13. | Encik Tai Cheng Heng  | - | "           |
| 14. | Encik Thamilarasu Sandayan  | - | "           |
| 15. | Encik Wong Yii Seang  | - | "           |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 16. | Encik Lee Jen Uyin                       | - | " |
| 17. | Puan Ng Seow Chen                        | - | " |
| 18. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 19. | Encik Koh Eng Kee                        | - | " |
| 20. | Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim            | - | " |
| 21. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed          | - | " |

#### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan

7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
15. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
16. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
17. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap



18. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
19. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu  | - | "           |
| 3. | Puan Sharmazira binti Md Sharif                                       | - | "           |
| 4. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh                              | - | "           |
| 5. | Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S<br>Pengarah, Jabatan Perancang Bandar |   |             |

**URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan